

ALAM WANITA

Kewajipan Gadis Terhadap Rohaninya

Dalam bilangan yang lalu, ibu “Naimah” telah mengupas soal pakaian gadis, dan sekarang soal “Kewajipan Gadis Terhadap Rohaninya” dihuraikan dengan sejelas-jelasnya- P.

Adapun kewajipan gadis terhadap rohaninya, maka yang terutama sekali hendaklah dijaga segala aliran sesat yang boleh merosakkan akal dan fikiran, yang boleh merendahkan budi dan perketinya: kerana kerosakan akal dan fikiran, kesederhanaan budi pekerti itu boleh merosakkan rohani.

Menjaga akal dan fikiran itu ialah dengan memberikan kepadanya berbagai ilmu pengetahuan yang berfaedah, serta menghindarkannya daripada ilmu yang jahat dan berbahaya.

Membezakan nama ilmu yang baik dari jahat itu mudah sahaja, iaitu dengan menyelidiki akibatnya. Seperti *dancing* misalnya, ialah pengetahuan yang serendah-rendah dan sejahat-jahatnya, sekalipun di dalamnya ada gerakan badan atau separuh, kata orang. Kerana walaupun ada gerakan badanya, tetapi lebih banyak kejahatan dan bahayanya, atau kerosakan rohani yang terdapat di dalamnya lebih besar, seperti:

- a) Perempuan hilang malunya sehingga menjadi orang yang tidak tahu malu.
- b) Kehormatan perempuan berada di awang-awang, hanya menantikan borang “Lang Jahanam” datang menyambarnya.
- t) Dirinya lebih lemah dari patung, kerana ketika

ia ber-*dancing* dengan lelaki seakan-akan ia berkata: “Inilah kehormatanku, buatlah sesukamu aku menerima dan menurut sahaja dengan tidak membantah”.

Dari buktinya dapat dilihat, bahawa lelaki tadi, buat sesuka hatinya terhadap dirinya ia menurut sahaja. Ditarik ke kanan dia ke kanan, dihela ke kiri dia ke kiri, bahkan diangkat ke atas atau dibanting ke bawah, ia pun menurut sahaja, tidak membantah, tidak mengelak, kerana laku yang demikian kurang dapat diamalkan katanya, bahkan ada kalanya diberikan senyum beracun bagi keuntungan lelaki. Kesopanan manapun juga akan mengakui keburukan dan kerosakannya. Oleh sebab itu, sepatutnya gadis-gadis yang hendak menjaga rohaninya, hindarkanlah jauh-jauh pergaulan yang menarik kepada *dancing* itu. Percayalah, lelaki yang membenarkan dan mengatakan baik permainan *dancing* itu, dialah orang yang terang menjadi perosak kehormatan perempuan.

Adapun ilmu pengetahuan yang harus dituntut dan dipelajari oleh gadis-gadis, ialah yang mengandungi kebaikan, berfaedah, yang dapat memelihara kehormatan dirinya dan berguna bagi masyarakatnya, gadis yang hartawan dan bangsawan pun mesti juga menuntut ilmu,

dan mesti merasa rugi kalau umurnya berjalan sehari begitu sahaja, sedang rohaninya tidak diberikan ilmu.

Selain dari itu, janganlah seorang gadis merosakkan rohaninya dengan memberikan bermacam-macam ilmu pengetahuan yang tidak sanggup akalinya menerima, kerana yang demikian itu boleh merosakan fikirannya, dan kalau fikirannya sudah rosak, maka rohaninya rosak pula.

Seseorang gadis tidak dilarang belajar membaca dan menulis, kerana dalam agama Islam digalakkan mempelajari keduanya. Meskipun dibenarkan tetapi tidak bermakna gadis dibolehkan membaca segala buku, kerana bukan sedikit buku-buku sekarang yang mengandungi racun dan berbahaya bagi kerosakan rohani.

Begitu pula tentang menulis, bukan semua yang ada dalam angan-angan atau yang didengari mesti ditulis, tetapi pilihlah mana-mana yang baik dan berfaedah bagi rohani, dan tidak membawa kerosakan dan kesesatan.

Yang mustahak sekali bagi menjaga supaya rohani seseorang gadis itu bersih dan suci hendaklah gadis itu mengamati-mengamati kehendak hawa nafsunya. Adakah kehendak nafsunya itu baik yang mesti diturut atau berbahaya yang mesti disingkirkan? Kalau sentiasa ia menimbang, menapis dan mencari perbandingan kepada perkara-perkara yang telah lalu dan sedang dihadapi, nescaya dapatlah ia menjauhkan kehendak hawa nafsunya yang jahat dan berbahaya.

Sebagaimana jasmani tidak boleh diberikan kerja yang berat, yang tidak tahan dipikul, maka begitu juga rohani, tidak boleh diberikan pekerjaan yang menyusahkan.

Rohani itu ada mempunyai makanan sebagaimana juga jasmani, tetapi makanannya itu tidak sama. Makanan rohani, ialah ilmu pengetahuan, nasihat yang baik dan buah fikiran yang menyedarkan. Dia mesti diberikan makanan menurut waktu dan ukuran. Kalau dia diberikan

makanan berlebih-lebihan, atau yang tidak sepadan dengan kekuatannya, nescaya mudah benar rosaknya rohani itu, yang akan membawa juga kepada kerosakan jasmani.

Segala sifat-sifat jahat yang suka bersarang dalam rohani, seperti dengki, takbur, congkak, riak, iri hati kepada yang bukan-bukan dan sebagainya, semua itu patutlah dikikis sehabis-habisnya, kemudian isilah dengan sifat-sifat mulia seperti sabar, ikhlas, merendahkan diri kepada sesama kaum, peramah, berani menolak dengan tegas akan lelaki yang kurang ajar dan sebagainya.

Pancaindera yang menjadi perantaraan bagi masuknya makanan jasmani itu hanya satu, iaitu mulut. Sedang bagi makanan rohani ada dua, iaitu mata dan telinga.

Kalau mata selalu diberikan pemandangan yang indah, segar dan baik, dan telinga diberikan pendengaran yang merdu, naih yang baik, dan pelajaran yang berguna, nescaya rohani itu tenang, sejahtera dan sihat.

Tetapi kalau mata selalu diberikan pandangan yang berbahaya, dan telinga diberikan pendengaran yang cabul, nescaya rohani mudah rosak, tidak mustahil ia akan mendapat penyakit rohani yang berbahaya. Ingatlah! Doktor itu lebih mudah mengubati perkara jasmani daripada rohani.

Oleh itu tiap-tiap gadis wajib memelihara dan menjaga mata dan telinganya. Menjaganya itu bukanlah dengan membutakan atau dengan menulikan, tetapi gunakanlah keduanya pada barang yang baik, yang menghidupkan rohani, dan jauhkanlah segala merosakkan rohani.

Sangat tercela gadis yang bermata keranjang, yakni yang tergila-gila melihat hingga perkara-perkara yang berbahaya juga, demikian pula gadis yang bertelinga di awan pisang, ditiup angin sedikit sahaja bergerak, perkara yang tidak layak juga mahu didengarnya.